



Mustapa menerima pesanan barangan pasar sebagai gimik pelancaran yang disampaikan oleh pengasas pasarman.com, Azahari Ahmad pada Majlis Pelancaran Program Menjana Ekonomi Digital @ pasarman.com di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Pelan Induk Ekonomi Digital diumumkan Oktober

Kerajaan sedang merangka Pelan Induk Ekonomi Digital yang akan menggariskan matlamat dan hala tuju dalam memperluaskan penggunaan digital dalam semua sektor ekonomi di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata pelan induk itu kini dalam fasa terakhir kajian dan dijangka dapat diumumkan pada Oktober ini.

Katanya, pelan induk itu antara lain akan mencantumkan aspek berkaitan dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan ekonomi digital, selain menyelaras semua usaha berkaitan oleh pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

"Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sudah ada Dasar Indust-

ri Nasional 4.0 (Industri4WRD) untuk sektor pembuatan dan mula tahun lalu, kita nak mengembangkannya kepada bidang bukan pembuatan.

"Kajian ini sudah hampir siap dan akan mencantumkan IR4.0 dan ekonomi digital dengan matlamat untuk melonjak dan menyelaraskan usaha pelbagai agensi berkaitan.

"Kita sudah laksanakan libat urus dengan pelbagai pihak dan selepas kajian siap, kita akan bentangkan pada kerajaan dan jika diluluskan, kita akan hebahkan kepada umum kira-kira dua bulan dari sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pada Majlis Pelancaran Menjana Ekonomi Digital @ Pasarman.com di Wisma Majlis Perundingan Melayu (MPM), di Kuala Lumpur, semalam.